

# PM rai rakan lama buka puasa

um-9/10/2006

PUTRAJAYA 8 Okt. - Biar pun sibuk dengan tugas sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak pernah melupakan rakan-rakan lama yang pernah bersama beliau satu ketika dahulu.

Sama ada di pentas politik atau pertubuhan bukan kerajaan dan belia, semua rakan-rakannya kekal dalam ingatan Perdana Menteri.

Kesediaan Perdana Menteri menjemput mereka hadir ke majlis berbuka puasa di Masjid Putra di sini, hari ini menimbulkan rasa terharu di kalangan mereka.

Datuk Abd. Rahman Mohd. Yunus yang telah mengenali Abdullah sejak 30 tahun lalu berkata, kesediaan beliau meraikan rakan-rakan hari ini menyerlahkan personaliti sebenar Perdana Menteri.

"Inilah yang dinamakan kawan. Kalau kawan tidak ingat kepada kawan, itu bukan kawan namanya," katanya.

Abd. Rahman menambah, Abdullah yang dikenalnya sejak menjadi Pengarah Belia sekitar tahun 1960-an itu kekal seperti dahulu, tidak berubah personalitinya.

"Walaupun beliau sudah berada di atas, beliau tetap seperti dulu. Kalau jumpa tidak pernah lupa," ujarnya lagi.

Seorang lagi rakan beliau, Abdullah Shahiron berkata, pertemuan ini amat bermakna buat rakan-rakan perjuangan yang rata-ratanya sudah lama tidak bertemu.

Beliau yang mewakili UMNO Sabah mengenali Perdana Menteri sejak sekian lama dan menyifatkan beliau seorang yang tidak pernah lupa rakan-rakan.

"Pertemuan ini cukup bermakna buat kami kerana jemputan adalah satu penghargaan buat kami.

"Majlis seumpama ini dapat merapatkan kembali hubungan sesama kami yang mana ada sesetengahnya sudah lama tidak bertemu," katanya.